

BAB IV

4. PENGANALISAAN DATA KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini data kajian yang diperolehi daripada 51 responden dianalisa secara terperinci. Penganalisaan data secara diskriptif dibuat mengikut setiap bahagian, ia itu:

4.1.1 Bahagian 'A' - Latar Belakang Responden

- i. Jenis sukan responden
- ii. Jantina responden
- iii. Umur responden
- iv. Pekerjaan responden

4.1.2 Bahagian 'B' - Faktor Pendorong Penglibatan Dalam Sukan

4.1.3 Bahagian 'C' - Faktor Pendorong Persaraan

4.1.4 Bahagian 'D' - Pengalaman Persaraan

- i. Tahap kesukaran penyesuaian diri dengan masyarakat
- ii. Penglibatan dalam sukan pada masa kini
- iii. Penglibatan dalam sukan pada masa akan datang
- iv. Keperluan 'Program Penyediaan Persaraan Atlet Elit Malaysia'

4.2 Bahagian 'A' - Latar Belakang Responden.

4.1 Pengenalan

Dalam bahagian ini dibentangkan data yang diperolehi tentang latar belakang responden kajian yang merangkumi jenis sukan yang mereka ceburi, jantina responden, umur responden ketika menjadi atlet, semasa bersara sebagai atlet elit dan ketika responden di temuramah serta pekerjaan responden sebelum menjadi atlet, ketika menjadi atlet elit, ketika bersara serta ketika di temuramah. Sejumlah 51 orang bekas atlet negara telah dipilih secara rawak kriterion sebagai subjek kajian ini. Mereka terdiri daripada 66.7 % (n= 34) atlet lelaki dan 33.3 % (n = 17) atlet wanita yang mewakili 25 jenis sukan yang berlainan.

4.2.1 Jenis Sukan Responden

Jadual 1 menunjukkan bilangan responden mengikut jenis sukan yang diwakili. Dari Jadual 1 didapati sukan hoki (n = 8) mempunyai responden yang paling banyak, diikuti oleh pasukan olahraga (n = 7), bola sepak (n = 6), badminton (n = 4), dan berbasikal (n = 3). Sukan renang, gimnastik dan tennis diwakili oleh dua orang setiap pasukan. Manakala sukan-sukan yang lain mempunyai hanya seorang wakil. Jadual 1 juga menunjukkan bahawa sukan hoki, olahraga, bola sepak dan badminton merupakan sukan yang digemari ramai dikalangan masyarakat Malaysia. Sukan-sukan tersebut juga mempunyai bilangan atlet yang banyak mewakili

negara dalam kejohanan peringkat antarabangsa. Responden kajian terdiri daripada 25 jenis sukan yang berlainan.

Jadual 1
Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut
Jenis Sukan Yang Diwakili.

N = 51	Bilangan	Peratusan (%)
Jenis Sukan		
1. Hoki	8	15.7
2. Olahraga	7	13.7
3. Bola Sepak	6	11.8
4. Badminton	4	7.8
5. Berbasikal	3	5.9
6. Renang	2	3.9
7. Gimnastik	2	3.9
8. Tennis	2	3.9
9. Taek Kwan Do	1	2.0
10. Bola Keranjang	1	2.0
11. Soft Ball	1	2.0
12. Perahu Layar	1	2.0
13. Tinju	1	2.0
14. Equestrian	1	2.0
15. Silat Olahraga	1	2.0
16. Boling	1	2.0
17. Sepak Takraw	1	2.0
18. Karate- Do	1	2.0
19. Bina Badan	1	2.0
20. Squasy	1	2.0
21. Bola Tampar	1	2.0
22. Kriket	1	2.0
23. Ping Pong	1	2.0
24. Menembak	1	2.0
25. Bola Jaring	1	2.0
Jumlah	N = 51	100 %

4.2.2 Umur

Umur responden yang paling muda ketika mewakili negara adalah 11 tahun manakala yang paling tua pula 38 tahun. Min umur keseluruhan responden ketika mewakili negara adalah 20.4 tahun ($SD = 4.39$). Umur min responden ketika bersara adalah didapati 26.7 tahun ($SD = 5.35$).

Didapati umur persaraan responden adalah amat berbeza mengikut jenis dan kehendak sesuatu sukan. Ini terbukti dengan dapatan kajian yang menunjukkan ada responden yang bersara pada umur 15 tahun dan ada pula yang bersara ketika umur 45 tahun. Min keseluruhan umur responden ketika ditemuramah adalah 32.2 tahun ($SD = 7.62$). Sila lihat Jadual 2.

Jadual 2
Umur Responden Min dan Sisihan Piawai (SD) Atlet Elit Negara
Ketika Mewakili Negara, Semasa Bersara Dan Ketika Ditemuramah

N = 51	Umur Responden			
	Paling Muda	Paling Tua	Min	SD
Umur ketika mewakili negara	11	38	20.4	4.39
Umur ketika bersara	15	45	26.7	5.39
Umur ketika di temuramah	19	60	32.2	7.62

4.1.3. Pekerjaan Sebelum Jadi Atlet Elit

Merujuk kepada Jadual 3 di bawah didapati sejumlah besar responden ia itu 33.7% (n = 19) adalah pelajar sebelum mereka menjadi atlet elit. Sejumlah 19.6 % responden (n = 10) menyatakan mereka bekerja di bank sebelum menjadi atlet elit. Jumlah responden yang sama juga (19.6 %) didapati merupakan pekerja di sektor swasta manakala yang bekerja dalam sektor kerajaan pula adalah sebanyak 13.7 % (n = 7). Sementara itu sejumlah 5.9 % (n = 3) didapati menjalankan perniagaan sendiri. Seramai dua orang responden (3.9 %) melaporkan mereka sebenarnya menganggur sebelum jadi atlet elit (rujuk Jjadual 3).

Jadual 3

Pekerjaan Responden Sebelum Jadi Atlet Elit.

Jenis Pekerjaan	Bil. Responden	Peratusan (%)
Pelajar	19	37.3 %
Pegawai bank	10	19.6 %
Pekerja sektor swasta	10	19.6 %
Pegawai kerajaan	7	13.7 %
Peniagaan sendiri	3	5.9 %
Penganggur	2	3.9 %
N = 51		100 %

4.2.4. Pekerjaan Ketika Menjadi Atlet

Ketika menjadi atlet elit didapati sejumlah 23.5 % orang responden ($n = 12$) telah bekerja dengan bank (rujuk Jadual 4). Jadual 4 juga menunjukkan sebanyak 21.6 % orang responden ($n = 11$) masih merupakan pelajar ketika menjadi atlet. Sejumlah 17.6 % telah berkhidmat di institusi kerajaan manakala jumlah responden yang sama (17.6 %) telah bekerja di sektor swasta. Jadual juga menunjukkan sebanyak 9.8 % responden telah menjadi atlet sepenuh masa diikuti dengan 3.9 % ($n = 2$) yang menjalankan perniagaan sendiri. Data kajian juga menunjukkan sebanyak 5.9 % ($n = 3$) responden didapati telah menganggur.

Jadual 4
Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan
Ketika Menjadi Atlet Elit

Jenis Pekerjaan	Bil.Responden	Peratusan (%)
Pegawai bank	12	23.5 %
Pelajar	11	21.6 %
Pegawai kerajaan	9	17.6 %
Pekerja sektor swasta	9	17.6 %
Atlet penuh masa	5	9.8 %
Perniagaan sendiri	2	3.9 %
Penganggur	3	5.9 %
N = 51		100 %

4.2.5 Pekerjaan Selepas Bersara

Pekerjaan responden sebaik sahaja bersara sebagai atlet elit agak berlainan sekiranya dibandingkan semasa mereka masih menjadi atlet elit (rujuk Jadual 5). Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 21.6 % responden (n = 11) selepas bersara telah menjadi pelajar dimana mereka telah melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi tempatan atau pun di luar negara. Hasil kajian juga menggambarkan seramai 19.6 % responden (n = 10) telah bekerja di bank, 17.6 % responden (n = 9) telah menjalankan perniagaan sendiri, dan sejumlah 15.7 % responden (n = 8) pula telah bekerja dengan sektor swasta.

Jadual 5
Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan Selepas Persaraan Sebagai Atlet Elit

Jenis Pekerjaan	Bil. Responden	Peratusan (%)
Pelajar	11	21.6 %
Pegawai bank	10	19.6 %
Perniagaan sendiri	9	17.6 %
Pekerja sektor swasta	8	15.7 %
Jurulatih penuh masa	4	7.8 %
Pegawai badan sukan	3	5.9 %
Penganggur	3	5.9 %
Pegawai kerajaan	2	3.9 %
Pekerja kilang	1	2.0 %
N = 51		100 %

Dapatan kajian juga menunjukkan hanya 7.8 % responden (n = 4) memilih untuk menjadi jurulatih sepenuh masa secara kontrak dengan Majlis Sukan Negara dan Majlis-Majlis Sukan Negeri. Sebanyak 5.9 % (n = 3) didapati bekerja di badan-badan sukan. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa sebanyak 3.9 % (n = 2) sahaja berkhidmat dengan sektor kerajaan, sementara 5.9 % lagi responden (n = 3) didapati telah menganggur selepas bersara sebagai atlet elit.

4.2.6 Pekerjaan Ketika Ditemuramah

Data yang diperolehi menunjukkan bahawa ketika ditemuramah sebanyak 31.4 % (n = 16) orang responden berkecimpung dalam perniagaan sendiri. Bank merupakan antara tempat ramai responden kajian sedang bekerja ketika ditemuramah.

Didapati seramai 12 orang responden (23.5%) bekerja di bank, sementara itu seramai 7 orang responden (13.7 %) didapati sedang bekerja di sektor swasta dan hanya 7.8 % (n = 4) orang responden masih berkhidmat di sektor kerajaan. Kajian menunjukkan bahawa sebanyak 7.8 % orang responden (n = 4) sedang bertugas sebagai pegawai di badan-badan berkaitan dengan sukan seperti firma perunding sukan dan rekreasi, agensi-agensi sukan dan pelancongan dan firma pengurusan acara sukan.

Seramai 5.9 % orang responden (n = 3) pula melaporkan bahawa mereka sedang belajar di institusi pengajian tinggi bekerja di kilang perindustrian. Sebanyak 5.9 % (n = 3) telah memilih menjadi jurulatih sepenuh masa dengan Majlis Sukan Negara dan Negeri sementara itu sebanyak 3.9 % (n = 2) responden didapati bekerja di kilang.

Jadual 6
Bilangan Dan Peratusan Mengikut Jenis Pekerjaan Responden Ketika Ditemuramah

Jenis Pekerjaan	Bil.Responden	Peratusan (%)
Perniagaan sendiri	16	31.4 %
Pegawai bank	12	23.5 %
Pekerja sektor swasta	7	13.7 %
Pegawai kerajaan	4	7.8 %
Pegawai badan sukan	4	7.8 %
Pelajar	3	5.9 %
Jurulatih sepenuh masa	3	5.9 %
Pekerja kilang	2	3.9 %
N = 51		100 %

4.3 Bahagian 'B' - Faktor Pendorong Penglibatan Responden Dalam Sukan

Dalam bahagian ini dibentangkan faktor-faktor yang telah mendorong atlet elit melibatkan diri dalam bidang sukan. Kesemua responden telah menyatakan lebih dari satu faktor yang menjadi pendorong kepada penglibatan dalam sukan. Sejumlah 14 faktor dikenal pasti sebagai faktor pendorong yang telah menyebabkan atlet elit menceburkan diri dalam sukan.

Faktor-faktor berkenaan adalah seperti berikut :

1. mencontohi ibu
2. mencontohi bapa
3. mencontohi hero sukan
4. galakan ibu
5. galakan bapa
6. kewangan
7. kegemilangan (kehidupan glamor)
8. galakan guru
9. kebolehan semula jadi
10. terlibat secara kebetulan
11. jaga kesihatan dan kecergasan
12. paksaan daripada ibu
13. paksaan daripada bapa
14. minat

Penganalisaan data faktor-faktor pendorong penglibatan dalam sukan akan diberikan secara terperinci dalam bahagian ini. Di samping itu 10 faktor yang dikenal pasti sebagai antara faktor pendorong yang paling utama penglibatan dalam sukan yang kerap dinyatakan oleh responden ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7

Sepuluh Faktor Utama Yang Menjadi Faktor Pendorong Penglibatan Dalam Sukan Yang Kerap Dinyatakan Oleh Responden

N = 51	Faktor	Peratusan (%)
	1. Minat	100 %
	2. Kebolehan semula jadi	96.1 %
	3. Menjaga kesihatan & kecergasan	90.1 %
	4. Galakan guru	86.2 %
	5. Galakan bapa	78.2 %
	6. Galakan ibu	68.6 %
	7. Mencontohi Hero sukan	68.5 %
	8. Penglibatan secara kebetulan	59.0 %
	9. Kegemilangan (kehidupan glamor)	54.0 %
	10. Mencontohi bapa	39.2 %

4.3.1 Minat

Minat merupakan faktor yang dinyatakan oleh kesemua responden kajian ia itu 100 % (n = 51) sebagai antara faktor yang paling banyak telah mendorong mereka mereka melibatkan diri dalam bidang sukan.

4.3.2 Kebolehan Semulajadi

Responden kajian ditanya sama ada kebolehan semulajadi yang ada pada mereka menjadi faktor yang menyebabkan mereka melibatkan diri dalam sukan. Sejumlah 19.6 % responden (n = 10) menyatakan bahawa faktor kebolehan semula jadi merupakan faktor yang paling kuat mendorong mereka melibatkan diri dalam sukan.

Sebanyak 60.8 % orang responden (n = 31) menyatakan bahawa ianya telah mendorong dengan banyaknya manakala untuk 13.7 % orang responden pula (n = 7) menyatakan faktor berkenaan hanya merupakan salah satu faktor yang telah mendorong sedikit. Faktor berkenaan tidak menjadi pendorong langsung untuk 5.9 % orang lagi responden (n = 3).

4.3.3 Menjaga Kesihatan Dan Kecergasan

Sebanyak 25.5 % responden (n = 13) menyatakan faktor menjaga kesihatan dan kecergasan merupakan faktor pendorong paling kuat sementara 49 % responden (n = 25) pula menyatakan faktor tersebut telah mendorong dengan banyaknya. Sebanyak 15.7 % (n = 8) responden menyatakan bahawa ianya adalah salah satu faktor pendorong. Faktor menjaga kesihatan dan kecergasan bukan merupakan pendorong untuk 9.8 % orang responden (n = 5).

4.3.4 Galakan Guru

Guru merupakan antara individu yang sering menjadi petunjuk dan pendorong dalam banyak aspek hidup seseorang pelajar. Dapatan kajian menunjukkan dengan jelasnya guru sekali lagi memainkan peranan penting dalam usaha memberi dorongan kepada anak murid untuk melibatkan diri dalam sukan. Guru telah menjadi faktor yang paling kuat bagi 33.3 % orang responden (n = 17) untuk melibatkan diri dalam sukan. Sementara itu seramai 39.2 % orang responden (n = 20) menyatakan bahawa faktor berkenaan telah mendorong mereka dengan kuatnya.

Seramai 13.7 % orang responden (n = 7) menyatakan ianya memang mendorong mereka, manakala 5.9 % orang responden (n = 3) menyatakan ia hanya mendorong sedikit sahaja. Bagi 7.8 % orang responden lagi (n = 4) guru bukanlah faktor pendorong langsung dalam penglibatan mereka dalam sukan.

4.3.5 Galakan Bapa

Sebanyak 54.8 % responden (n = 28) telah menyatakan bahawa faktor galakan bapa telah mendorong dengan kuatnya untuk melibatkan diri dalam bidang sukan. Didapati 2 % responden (n = 1) menyatakan bahawa faktor berkenaan hanya mendorong sedikit sahaja manakala 23.4 % orang (n = 12) menyatakan ianya memang telah mendorong mereka. Sebanyak

19.6 % orang responden ($n = 7$) menyatakan faktor galakan bapa bukan merupakan salah satu faktor yang menyebabkan mereka melibatkan diri dalam sukan.

4.3.6. Galakan Ibu

Sebanyak 13.7 % responden ($n = 7$) menyatakan faktor galakan ibu sebagai faktor utama yang telah mendorong mereka melibatkan diri dalam sukan. Sejumlah 29.4 % orang responden ($n = 15$) menyatakan bahawa faktor galakan daripada ibu adalah satu-satunya faktor yang telah mendorong mereka dengan banyaknya manakala 3.9% orang responden ($n = 2$) pula menyatakan faktor tersebut hanya mendorong sedikit sahaja.

Walau bagaimanapun seramai 25.5 % orang responden ($n = 13$) mengakui faktor berkenaan memang telah mendorong mereka. Seramai 27.5 % orang responden ($n = 14$) menyatakan bahawa faktor galakan ibu bukan merupakan faktor yang menyebabkan mereka melibatkan diri dalam sukan.

4.3.7 Mencontohi 'Hero' Sukan

Hasil daripada pendedahan media eletronik kanak-kanak dapat memperolehi dan meminati pelbagai bidang yang membawa banyak faedah. Bidang sukan dan ahli sukan yang paling berjaya juga akan dapat dikenali

hasil daripada pendedahan dari media tersebut. Kehebatan seseorang atlet dalam sesuatu sukan akan memberi satu sumber ilham dan semangat kepada kanak-kanak untuk mencuba sesuatu sukan supaya satu hari nanti boleh menjadi seperti hero sukan yang mereka minati.

Seramai 15.7 % orang responden (n = 8) telah menyatakan bahawa hero sukan mereka adalah faktor yang paling kuat yang telah menyebabkan mereka melibatkan diri dalam sukan. Seramai 41.2 % orang responden (n = 19) telah menyatakan faktor tersebut telah mendorong banyak, sementara 17.6 % orang responden (n = 9) menyatakan faktor berkenaan memang telah mendorong penglibatan mereka dalam sukan. Seorang responden menyatakan bahawa ianya hanya mendorong sedikit manakala seramai 29.4 % orang responden (n = 15) menyatakan faktor berkenaan tidak mendorong langsung.

4.3.8 Terlibat Secara Kebetulan

Didapati 13.7 % orang responden (n = 7) telah menyatakan ianya adalah faktor yang paling kuat mendorong mereka melibatkan diri dalam sukan. Sejumlah 23.5 % orang (n = 12) mengakui bahawa faktor tersebut antara pendorong yang banyak .

Sebanyak 5.9% orang responden (n = 3) menyatakan faktor melibatkan diri secara kebetulan telah mendorong sedikit manakala 11.8% orang (n = 6) pula menyatakan faktor berkenaan memang telah mendorong mereka melibatkan diri dengan sukan.

Responden ditanya sama ada penglibatan mereka dalam sukan adakah sesuatu yang tidak dirancang atau pun ianya berlaku secara kebetulan. Sejumlah 45.1% orang responden (n = 23) memberikan jawapan bahawa faktor berkenaan tidak sama sekali menjadi faktor pendorong yang menyebabkan mereka melibatkan diri dalam sukan.

4.3.9 Kegemilangan (kehidupan glamor)

Hanya 3.9 % responden (n = 2) menyatakan bahawa keinginan untuk mendapatkan kegemilangan atau 'glamour' adalah salah satu faktor paling utama yang telah mendorong mereka melibatkan diri dalam sukan. Sejumlah 13.7 % orang (n = 7) menyatakan bahawa faktor tersebut telah mendorong dengan banyaknya sementara sebanyak 35.3 % orang responden (n = 18) menyatakan bahawa faktor berkenaan memang telah mendorong mereka melibatkan diri dalam sukan.

Didapati sejumlah 5.9 % orang (n = 3) telah menyatakan bahawa faktor 'glamor' , mungkin telah mendorong serba sedikit. Sejumlah

41.2 % orang responden (n = 21) menyatakan bahawa mereka tidak melibatkan diri dalam sukan semata-mata untuk mendapatkan kehidupan yang glamor.

4.3.10 Mencontohi Bapa

Seorang bapa seperti juga seorang ibu mempunyai pengaruh yang amat besar dalam memupukan tingkah laku seorang kanak-kanak. Dalam masyarakat kita kaum bapa merupakan kumpulan yang paling ramai melibatkan diri dalam bidang sukan.

Apabila ditanyakan adakah faktor mencontohi bapa menjadi pendorong penglibatan dalam sukan, sejumlah 13.7 % responden (n = 8) menyatakan bahawa mereka melibatkan diri dalam sukan kerana ingin mencontohi bapa.

Sejumlah 27.5 % responden pula (n = 14) menyatakan bahawa faktor mencontohi bapa merupakan antara faktor yang telah mendorong mereka menceburkan diri dalam sukan. Walau bagaimanapun sejumlah 58.8 % responden (n = 30) menyatakan faktor berkenaan tidak ada kaitan dengan penglibatan mereka dalam sukan.

Selain daripada faktor-faktor yang dinyatakan di atas ada beberapa faktor yang lain tetapi kurang signifikan turut dinyatakan oleh responden sebagai faktor pendorong. Faktor-faktor yang tersebut adalah seperti menjadikan sukan sebagai sumber kewangan, mencontohi ibu, paksaan daripada ibu dan paksaan daripada bapa.

4.3.11 Rumusan

Individu berkecimpung dalam sukan berdasarkan pelbagai faktor pendorong. Responden dalam kajian ini telah pun menyatakan sepuluh faktor yang paling utama yang telah mendorong mereka melibatkan diri dalam bidang sukan.

Sepuluh faktor tersebut menurut keutamaan adalah minat, kebolehan semula jadi, menjaga kesihatan dan kecergasan, galakan daripada guru, galakan daripada bapa, galakan daripada ibu, mencontohi 'hero' sukan, terlibat secara kebetulan, mendapatkan kegemilangan atau 'glamour' dan akhir sekali faktor mencontohi bapa.

4.4 Bahagian 'C' - Faktor Pendorong Persaraan Sebagai Atlet Elit

Kajian ini juga cuba meninjau faktor-faktor yang telah mendorong atlet elit negara yang telah bersara sebagai atlet elit Malaysia. Kesemua responden kajian (N = 51) telah memberikan lebih dari satu faktor yang menyebabkan mereka bersara sebagai atlet elit. Sebanyak 17 faktor telah dikenal pasti sebagai faktor-faktor yang telah mendorong responden untuk bersara sebagai atlet elit. Faktor-faktor berkenaan adalah seperti:

1. Umur
2. Kecederaan
3. Penyakit
4. Masalah kewangan
5. Gangguan seksual
6. Melanjutkan pelajaran
7. Matlamat/gol telah tercapai
8. Hilang motivasi untuk bertanding
9. Tekanan ibu
10. Tekanan bapa
11. Tekanan pasangan hidup
12. Tekanan majikan
13. Masalah dengan jurulatih
14. Masalah dengan pegawai/persatuan
15. Kepuasan optima telah dicapai

16. Tiada peningkatan dalam prestasi

17. Prestasi merosot/ menurun

Keterangan penganalisan data secara terperinci akan diberikan dalam bahagian ini. Sebanyak 10 faktor yang dikenal pasti sebagai antara faktor pendorong utama persaraan atlet elit ditunjukkan dalam Jadual 8 di bawah. Faktor-faktor berkenaan akan dibentangkan menurut tahap pengaruh terhadap keputusan untuk bersara daripada bidang sukan sebagai atlet elit.

Jadual 8
Sepuluh Faktor Yang Dikenal Pasti Sebagai Faktor Utama Yang Telah Mendorong Persaraan

N = 51	Faktor	Peratusan (%)
1.	Matlamat tercapai	76.4 %
2.	Telah mencapai kepuasan optima	74.4 %
3.	Tiada peningkatan dalam prestasi	54.9 %
4.	Hilang motivasi untuk bertanding di peringkat antarabangsa	52.8 %
5.	Prestasi mula merosot	50.9 %
6.	Umur	41.2 %
7.	Masalah dengan pegawai persatuan sukan	39.3 %
8.	Tekanan dari pasangan hidup	33.2 %
9.	Kecederaan	29.5 %
10.	Melanjutkan pelajaran	29.4 %

4.4.1 Matlamat Tercapai

Setiap atlet elit kebangsaan mempunyai matlamat atau gol tertentu yang ingin dicapainya dalam sesuatu jangka masa yang telah ditetapkan olehnya. Kemungkinan pencapaian dari sudut pungutan pingat tidak berkaitan dengan isu ini. Ini adalah kerana terdapat atlet yang tidak mendapat sebarang pingat dalam sesuatu kejohanan antarabangsa, namun mereka merasakan matlamat mereka telah pun tercapai dengan mengambil bahagian dalam kejohanan berkenaan.

Sebanyak 13.7 % responden ($n = 7$) menyatakan mereka membuat keputusan untuk bersara setelah mencapai matlamat mereka dalam sukan. Sementara itu, seramai 25.4 % orang responden ($n = 13$) menyatakan faktor tersebut adalah antara faktor pendorong persaraan yang kuat. Faktor berkenaan telah menjadi salah satu faktor yang menyebabkan 37.3 % responden ($n = 19$) bersara sebagai atlet elit. Didapati 7.8 % responden ($n = 5$) yang menyatakan pencapaian matlamat mungkin ada kaitanya dalam persaraan mereka. Sejumlah 13.7 % responden ($n = 7$) menyatakan persaraan mereka tidak ada kaitan langsung dengan faktor tersebut.

4.4.2 Kepuasan Optima Telah Dicapai

Dapatan kajian menjelaskan ada responden bersara kerana telah pun mencapai kepuasan yang optima sepanjang penglibatan mereka sebagai

atlet elit kebangsaan. Didapati sejumlah 5.9 % responden (n = 3) bersara kerana mereka cukup puas mewakili negara, bertanding di peringkat antarabangsa dan melawat luar negara kerana bertanding. Faktor ini juga telah menjadi salah satu faktor pendorong yang kuat bagi 33.3 % responden (n = 17) untuk bersara. Didapati 13.7 % responden (n = 7) menyatakan bahawa ianya mungkin juga merupakan salah satu faktor pendorong. Hanya 11.8 % responden (n = 6) yang melaporkan bahawa faktor tersebut tidak berkaitan langsung dengan persaraan mereka.

4.4.3 Tiada Peningkatan Dalam Prestasi

Prestasi yang tidak menunjukkan sebarang kemajuan lagi atau pun tersangkut di ambang 'plateau' juga merupakan antara faktor pendorong persaraan yang dinyatakan oleh responden kajian. Didapati 3.9 % responden (n = 2) menyatakan faktor tersebut telah menjadi faktor pendorong yang paling kuat yang memaksa mereka bersara sebagai atlet elit. Faktor berkenaan juga telah menjadi antara faktor pendorong yang kuat bagi 29.4 % responden (n = 15). Dapatan kajian juga menunjukkan seramai 25.5 % responden (n = 13) bersara kerana ianya telah menjadi salah satu faktor pendorong. Sementara itu 13.7 % responden (n = 7) kajian menjelaskan faktor berkenaan mungkin telah mendorong mereka untuk

bersara manakala 27.4 % responden (n = 14) lagi menyatakan ianya tidak berkaitan langsung.

4.4.4 Hilang Motivasi Untuk Bertanding Di Peringkat Antarabangsa.

Responden yang telah banyak mencapai kemenangan, banyak mengembara keluar negara untuk bertanding, masalah peribadi yang tidak dapat diselesaikan, janji-janji yang tidak ditepati oleh persatuan sukan serta kurang perhatian daripada pegawai-pegawai persatuan dari segi kebajikan, kemudahan latihan, insentif latihan, hadiah kemenangan dan sebagainya adalah menjadi perkara kumulatif yang menyebabkan responden hilang motivasi untuk bertanding lagi. Sejumlah 15.7 % responden (n = 8) menyatakan faktor hilang motivasi adalah sebab utama mereka bersara daripada sukan.

Faktor ini juga merupakan salah satu faktor yang kuat bagi 19.5 % responden (n = 10) bersara. Sementara itu 17.6 % responden (n = 9) melaporkan bahawa ada terdapat sedikit kemungkinan perkara ini telah menjadi salah satu faktor persaraan, manakala sejumlah 29.4 % responden lagi (n = 15) menyatakan faktor tersebut tidak berkaitan dengan keputusan persaraan mereka.

4.4.5 Prestasi Mula Merosot

Kesedaran diri bahawa prestasi mula merosot atau menurun telah memainkan peranan penting dalam proses membuat keputusan untuk bersara sebagai atlet elit di kalangan responden kajian. Didapati sejumlah 33.3 % responden kajian ($n = 17$) bersara kerana menyedari prestasi mereka mula merosot. Sementara itu 17.6 % responden ($n = 9$) menyatakan faktor tersebut antara faktor pendorong yang kuat yang memaksa persaraan mereka manakala 13.7 % responden ($n = 7$) melaporkan ianya mungkin ada kaitan. Walau bagaimanapun didapati sejumlah 35.3 % responden yang lain ($n = 18$) bersara bukan disebabkan oleh faktor tersebut.

4.4.6 Umur

Umur sering memainkan peranan yang penting dalam menentukan kebolehan dan kemampuan fizikal seseorang. Hasil kajian menunjukkan sebanyak 11.8 % responden ($n = 6$) menyatakan faktor umur merupakan antara penyebab yang paling utama menyebabkan persaraan mereka sebagai atlet elit. Ianya telah menjadi faktor yang kuat yang telah memaksa 9.8 % responden ($n = 5$) bersara. Manakala ianya telah menjadi salah satu faktor yang menyebabkan 19.6 % responden ($n = 10$) bersara sebagai atlet elit.

Sebanyak 3.9 % (n = 2) responden tidak berapa pasti dan menyatakan kemungkinan umur juga satu faktor yang telah memainkan peranan dalam persaraan mereka. Seramai 54.9 % responden (n = 28) telah pun menyatakan umur bukannya faktor yang menyebabkan mereka bersara sebagai atlet elit.

4.4.7 Masalah Dengan Pegawai Persatuan

Persatuan sukan yang merupakan payung kepada atlet elit juga dinyatakan sebagai salah satu faktor yang menyebabkan sebahagian daripada responden kajian bersara. Didapati 15.7 % responden (n = 8) menyatakan masalah yang dihadapi dengan pegawai-pegawai persatuan sukan masing-masing adalah faktor yang paling kuat memaksa mereka bersara sebagai atlet elit.

Dapatan kajian juga menjelaskan sejumlah 11.8 % responden (n = 6) bersara kerana masalah berkenaan telah menjadi salah satu faktor pendorong yang kuat. Seramai 3.9 % responden (n = 2) menyatakan ianya mungkin juga ada kaitan dalam persaraan mereka. Namun begitu didapati sejumlah 56.9 % responden (N = 29) yang lain bersara bukan disebabkan oleh faktor berkenaan.

4.4.8 Tekanan Daripada Pasangan Hidup

Pasangan hidup seseorang atlet elit memainkan peranan yang penting dalam usaha memotivasikan penyertaan mereka. Dengan galakan dan sokongan moral yang kuat daripada pasangan hidup mereka, sering dapat diperhatikan atlet elit mempamerkan prestasi yang menggalakan. Perkara yang sebaliknya boleh berlaku sekiranya atlet elit gagal menerima sebarang sokongan moral dan motivasi daripada pasangan hidup mereka.

Dapatan kajian menunjukkan tekanan daripada pasangan hidup telah menyebabkan sejumlah 3.9 % (n = 2) bersara sebagai atlet elit. Sejumlah 15.7 % (n = 8) responden melaporkan faktor tekanan daripada pasangan hidup merupakan faktor yang kuat yang telah mendorong persaraan mereka. Sementara itu sebanyak 13.7 % responden (n = 7) menyatakan ianya memang merupakan salah satu faktor pendorong manakala 66.7 % responden pula (n = 34) melaporkan bahawa faktor tersebut tidak ada kaitan dengan persaraan mereka sebagai atlet elit.

4.4.9 Kecederaan

Atlet yang melibatkan diri dalam sukan terutamanya sukan lasak seperti larian jarak jauh, berbasikal, ragbi, bola sepak, hoki, tinju dan sebagainya sukar untuk mengelakkan diri daripada kecederaan. Responden

kajian ini ditanya sejauh manakah faktor kecederaan telah memengaruhi keputusan mereka untuk bersara sebagai atlet elit.

Sejumlah 9.8 % responden (n = 5) melaporkan bahawa faktor kecederaan telah menjadi pendorong paling utama dalam persaraan mereka. Bagi 11.8 % responden kajian (n = 6) faktor berkenaan telah menjadi faktor pendorong yang kuat, manakala Seramai 7.9 % responden (n = 4) melaporkan bahawa kecederaan yang mereka alami adalah salah satu faktor yang telah mempengaruhi keputusan mereka untuk bersara. Hanya 5.9 % responden (n = 3) menyatakan bahawa kecederaan mungkin telah menjadi satu faktor persaraan. Sejumlah 64.7 % responden (n = 33) menyatakan bahawa kecederaan tidak menjadi faktor penyebab persaraan.

4.4.10 Melanjutkan Pelajaran

Responden ditanya sama ada mereka bersara kerana melanjutkan pelajaran di institut-institut pengajian tinggi. Sejumlah 21.6 % responden (n = 11) menyatakan faktor melanjutkan pelajaran telah menjadi punca utama yang menyebabkan persaraan mereka. Sejumlah 5.9 % responden (n = 3) memberitahu bahawa memang usaha untuk melanjutkan pelajaran telah menjadi salah satu faktor pendorong kuat yang menyebabkan mereka bersara. Sebanyak 3.9 % responden (n = 2) menyatakan faktor berkenaan mungkin telah memainkan peranan dalam keputusan mereka

untuk bersara. Walau bagaimanapun 64.7% responden ($n = 33$) melaporkan bahawa faktor tersebut tidak menyebabkan persaraan mereka.

4.4.11 Rumusan

Sebanyak 10 faktor dikenal pasti sebagai diantara faktor utama yang telah mendorong atlet elit bersara sebagai atlet elit. Faktor-faktor yang dikenal pasti adalah: segala matlamat tercapai, telah mencapai kepuasan optima, tiada peningkatan dalam prestasi, hilang motivasi untuk bertanding di peringkat antarabangsa, prestasi mula merosot, umur, masalah dengan pegawai persatuan sukan, tekanan dari pasangan hidup, kecederaan dan akhirnya faktor melanjutkan pelajaran.

Selain daripada faktor-faktor yang disebutkan di atas terdapat beberapa faktor yang dinyatakan oleh responden kajian sebagai faktor pendorong yang kurang signifikan. Di antaranya ialah faktor masalah kewangan, tekanan daripada majikan, masalah dengan jurulatih, penyakit, tekanan daripada ibu, tekanan daripada bapa dan gangguan seksual.

4.5 Bahagian 'D' - Pengalaman Persaraan

Dalam bahagian ini dibincangkan mengenai bentuk pengalaman yang dialami selepas bersara sebagai atlet elit. Aspek-aspek yang ditanya adalah mengenai tahap kepastian, perasaan, kepuasan hidup, tahap kebebasan diri,

proses penyesuaian diri dengan masyarakat, kejayaan hidup serta pengendalian kehidupan yang glamor atau kegemilangan hidup. Atlet juga ditanya tentang penglibatan mereka dalam bidang sukan pada ketika ditemuramah, bentuk penyertaan dalam bidang sukan pada masa-masa akan datang serta pendapat mereka tentang 'Program Penyediaan Persaraan Atlet Elit'.

4.5.1 Tahap Kepastian Keputusan Untuk Bersara

Selepas menceburi dalam sukan bagi satu tempoh yang agak panjang, bukanlah perkara mudah untuk melepaskannya sama ada ianya telah dirancang terlebih dahulu atau pun berlaku secara tidak diduga langsung (Jadual 9). Dapatan kajian menunjukkan sejumlah 19.6 % responden ($n = 10$) sangat pasti dengan pendirian mereka untuk bersara. Sebanyak 33.3 % responden pula ($n = 17$) agak pasti dengan keputusan mereka manakala 33.3 % responden lagi ($n = 17$) ragu-ragu tentang keputusan mereka. Terdapat 11.8 % responden pula ($n = 6$) agak tidak pasti sementara 2.0 % responden ($n = 1$) didapati sangat tidak pasti untuk bersara daripada sukan.

Jadual 9
Persepsi Atlet Elit Mengenai Tahap Kepastian Diri Ketika
Membuat Keputusan Untuk Bersara.

Tahap	Kekerapan	Peratus (%)
Sangat tidak pasti	1	2.0 %
Tidak pasti	6	11.8 %
Ragu - ragu	17	33.3 %
Pasti	17	33.3 %
Sangat pasti	10	19.6 %
N = 51		100 %

4.5.2 Perasaan

4.5.2.1 Perasaan Ketika Menjadi Atlet Elit

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sejumlah 51.0 % responden (n = 26) menyatakan mereka sangat gembira ketika mewakili negara. Sejumlah 41.2 % responden pula (n = 21) menyatakan mereka memang gembira ketika menjadi atlet elit Malaysia, manakala 7.8 % responden yang lain (n = 4) menyatakan perasaan mereka dalam keadaan biasa sahaja.

4.5.2.2 Perasaan Ketika Mengumumkan Persaraan

Dapatan kajian menunjukkan sejumlah 13.7 % orang responden ($n = 7$) didapati sangat sedih ketika mengumumkan persaraan mereka. Sebanyak 52.9 % responden pula ($n = 17$) melaporkan perasaan sedih tetap dirasa ketika mengumumkan persaraan mereka.

Walau bagaimanapun seramai 27.4 % responden ($n = 14$) menyatakan tidak gembira atau pun sedih malahan perasaan mereka adalah dalam keadaan biasa. Namun bagitu terdapat 5.9 % responden ($n = 3$) yang menyatakan mereka gembira ketika mengumumkan persaraan mereka sebagai atlet elit negara.

4.5.2.3 Perasaan Pada Masa Di Temuramah

Ketika ditemuramah sejumlah 7.8 % responden ($n = 4$) meluahkan rasa kesedihan mereka kerana terasa kehilangan masa-masa gemilang, hampa kerana tidak tercapai matlamat dalam sukan walaupun sudah lama melibatkan diri sebagai atlet elit.

Sebanyak 21.6 % responden ($n = 11$) mengakui memang terasa sedih sedikit manakala 39.3 % responden ($n = 20$) melaporkan perasaan mereka dalam keadaan biasa sahaja. Sementara itu seramai 23.5 % responden ($n = 12$) didapati dalam keadaan gembira dan 7.8 % responden


(n= 4) yang lain pula dalam keadaan sangat gembira ketika ditemuramah (rujuk jadual 10).

Skor min dan sisihan piawai berkenaan turut diguna untuk diinteprestasikan dalam rajah garisan (Rajah 1) yang menggambarkan satu perspektif psikologi yang jelas dari segi perasaan, keyakinan diri, kepuasan hidup dan tahap kebebasan atlet elit yang telah bersara.

Jadual 10
Skor Min Dari Perspektif Perasaan, Keyakinan Diri, Kepuasan Hidup
Dan Tahap Kebebasan Dalam Tiga Situasi Yang Berbeza Dikalangan
Atlet Elit Yang Telah Bersara.

N = 51	Ketika Atlet	Ketika Bersara	Sekarang
Perasaan	4.33 (0.62)	2.25 (0.77)	3.02 (1.05)
Keyakinan Diri	3.71 (0.97)	3.41 (1.06)	4.00 (0.63)
Kepuasan	3.71 (0.92)	3.18 (0.97)	3.65 (0.77)
Kebebasan	2. (0.67)	3.43 (0.64)	3. (0.70)

* () menunjukkan SD



Rajah 1: Graf Garisan Menunjukkan Perspektif Perasaan, Keyakinan Diri, Kepuasan Hidup Serta Tahap Kebebasan Dalam Tiga Situasi Masa Yang Berbeza Dikalangan Atlet Elit Malaysia Yang Telah Bersara.

4.5.3 Tahap Keyakinan Diri Terhadap Hidup

4.5.3.1 Tahap Keyakinan Diri Terhadap Hidup Semasa Menjadi

Atlet Elit

Responden kajian diminta menggambarkan tahap keyakinan diri mereka terhadap hidup ketika menjadi atlet elit (rujuk Jadual 10). Didapati 15.7 % responden ($n = 8$) mengalami tahap keyakinan yang rendah terhadap hidup dan masa depan mereka. Sementara itu 17.6 % responden ($n = 9$) menyatakan tahap keyakinan mereka adalah sederhana manakala 47.1 % responden ($n = 24$) lagi menyatakan tahap keyakinan adalah tinggi. Didapati 19.6 % responden yang lain ($n = 10$) melaporkan tahap keyakinan diri terhadap hidup adalah sangat tinggi.

4.5.3.2 Tahap Keyakinan Diri Ketika Bersara

Data kajian menjelaskan sejumlah 5.9 % responden ($n = 3$) mengalami tahap keyakinan yang sangat rendah ketika mengundurkan diri daripada sukan. Seramai 13.7 % responden ($n = 7$) pula menyatakan keyakinan mereka memang ditahap yang rendah ketika bersara manakala 25.5 % responden kajian ($n = 13$) menyatakan keyakinan mereka adalah dalam tahap sederhana. Data kajian juga menjelaskan bahawa tahap keyakinan diri 43.0 % responden ($n = 22$) adalah di tahap tinggi. Sementara 11.8 % responden yang ($n = 6$) menyatakan tahap keyakinan mereka adalah sangat tinggi.

4.5.3.3 Tahap Keyakinan Diri Terhadap Hidup sekarang (Ketika Ditemuramah)

Responden kajian diminta menyatakan tahap keyakinan diri mereka pada masa sekarang (ketika ditemuramah). Tahap keyakinan responden masa ditemuduga mencatatkan skor yang tinggi dimana, seramai 19.6 % responden ($n = 10$) menyatakan keyakinan mereka terhadap hidup adalah amat tinggi.

Dapatan kajian juga menjelaskan bahawa 60.8 % responden ($n = 31$) mempunyai keyakinan diri yang tinggi terhadap masa depan dan hidup mereka. Seramai 19.6 % orang lagi ($n = 10$) menyatakan tahap keyakinan mereka terhadap hidup pada ketika ditemuramah adalah di tahap yang sederhana.

4.5.4 Tahap Kepuasan Hidup

4.5.4.1 Tahap Kepuasan Hidup Ketika Menjadi Atlet Elit

Terdapat 2.0 % responden ($n = 1$) daripada 51 orang responden (100 %) melaporkan bahawa beliau sebenarnya sangat tidak puas hati ketika menjadi atlet elit dengan memberi sebab iaitu keputusan-keputusan peperiksaannya tidak memuaskan dan sering berasa serba salah. Sejumlah 11.8 % responden ($n = 6$) menyatakan bahawa semasa menjadi atlet elit memang ada timbul perasaan tidak puas hati. Daripada kajian menunjukkan sebanyak 58.8 % responden ($n = 30$) orang melaporkan mereka telah

berasa puas menjadi atlet elit manakala 13.7 % responden (n = 7) yang lain menyatakan mereka sangat puas menjadi atlet elit.

4.5.4.2 Tahap Kepuasan Hidup Selepas Bersara

Responden kajian ditanya tentang tahap kepuasan mereka selepas bersara sebagai atlet elit. Didapati 7.8 % responden (n = 7.8) merasakan sangat tidak puas hati manakala 13.7 % responden (n = 7) yang lain menyatakan perasaan tidak puas hati tetap ada ketika bersara. Di antara sebab-sebab menimbulkan rasa tidak puas hati adalah seperti berikut:

kegagalan masih menghantui mereka, politik sukan yang memaksa persaraan, tidak ada kebajikan yang diambil kira sekiranya bersara kerana cedera, pilih kasih semasa pemilihan pemain ketika pertandingan antarabangsa dan tidak ada kriteria umur yang tertentu apabila membina atau mengubahsuai semula sebuah pasukan.

Walau bagaimanapun sejumlah 33.3 % responden (n = 17) menyatakan tahap kepuasan mereka ditahap sederhana. Sementara itu sebanyak 43.1 % responden kajian (n = 22) menyatakan mereka terasa puas ketika bersara manakala 2.0 % responden (n = 1) menyatakan beliau berasakan cukup puas ketika bersara.

4.5.4.3 Tahap Kepuasan Hidup Sekarang (Ketika Di Temuramah)

Selepas bersara sebagai atlet elit masih ada responden kajian yang meluahkan rasa tidak puas hati mereka terhadap kehidupan mereka sendiri berdasarkan beberapa sebab.

Data kajian menjelaskan seramai 11.8 % orang responden ($n = 6$) masih rasa tidak puas hati dengan apa yang mereka capai dan yang dimiliki. Sejumlah 17.6 % responden ($n = 9$) menyatakan tahap kepuasan hidup pada ketika ini adalah dalam keadaan yang sederhana. Namun begitu sejumlah 64.7 % responden kajian ($n = 33$) menyatakan mereka puas serta 5.9 % responden yang lain ($n = 3$) menyatakan mereka sangat puas hati.

4.5.5 Tahap Kebebasan

4.5.5.1 Tahap Kebebasan Ketika Menjadi Atlet Elit.

Jadual 11 turut menunjukkan analisis kajian tahap kebebasan responden ketika menjadi atlet elit. Responden sebanyak 29.4 % orang ($n = 15$) melaporkan bahawa pergerakan mereka sangat terkawal dan merasakan diri mereka di kongkong oleh jurulatih, pegawai, ibu bapa atau pun oleh sistem permainan itu sendiri. Walau bagaimanapun 58.8 % responden kajian ($n = 30$) menyatakan keadaan terkawal adalah sebahagian daripada latihan mereka untuk mencapai kecemerlangan sukan. Mereka juga

menyatakan keadaan sebegini adalah sesuatu yang biasa bagi diri mereka. Seramai 9.8 % responden (n = 5) menyatakan mereka bebas melakukan apa sahaja kecuali pada masa latihan atau pun pertandingan. Hanya 2.0 % responden sahaja (n = 1) melaporkan bahawa dirinya sangat bebas ketika menjadi atlet elit.

4.5.5.2 Tahap Kebebasan Semasa Bersara

Tahap kebebasan berubah semasa bersara berbanding ketika menjadi atlet elit. Walau pun sudah bersara 3.9 % responden (n = 2) melaporkan bahawa kehidupan mereka masih terkongkong. Sebanyak 52.9 % responden (n = 27) melaporkan kehidupan mereka selepas bersara adalah dalam keadaan biasa dimana tidak terkongkong atau pun terlampau bebas. Sementara itu didapati 39.2 % responden (n = 20) merasakan mereka bebas melakukan apa sahaja kerana tidak terikat dengan peraturan ketat yang telah menjadi rutin harian ketika menjadi atlet. Hanya 3.9 % responden (n = 2) menyatakan diri mereka sangat bebas sebaik sahaja bersara.

4.5.5.3 Tahap Kebebasan Sekarang (Ketika Ditemuramah)

Seorang responden kajian ini telah memberikan satu pernyataan yang menarik dengan menyatakan beliau rasa dirinya masih dikongkong oleh orang lain. Beliau menyifatkan pasangan hidupnya kini mengawal hidupnya. Kebetulan pula salah satu faktor yang telah mendorong beliau bersara juga

merupakan tekanan daripada pasangan hidupnya. Sebanyak 35.3 % responden (n = 18) menyatakan kebebasan hidup sekarang (semasa ditemuramah) adalah ditahap biasa.

Data kajian menunjukkan sejumlah 50.9 % responden (n = 26) menyatakan hidup mereka kini lebih bebas berbanding semasa menjadi atlet. Sebanyak 11.8 % orang responden yang lain (n = 6) menyatakan pula mereka sangat bebas kerana tidak perlu berfikir lagi tentang latihan yang ketat, makanan yang terkawal, masa tidur dan rehat yang secukupnya.

4.5.6 Tahap Kesukaran Hidup (Degree Of Difficulty) Semasa Menyesuaikan Diri Dengan Masyarakat Biasa

Dalam bahagian ini responden ditanya tentang tahap kesukaran yang dialami ketika mereka mula menyesuaikan diri (masa transisi) dengan masyarakat biasa selepas bersara sebagai atlet elit. Mereka ditanya sama ada masa transisi menyukarkan, bermasalah, mengalami sebarang tekanan dari segi mental atau tidak, berasa selesa atau tidak, normal atau tidak dan sama ada terasa sunyi atau pun tidak. Analisa data ditunjukkan dalam Jadual 11.

Jadual 11**Bilangan Dan Peratusan Kekerapan Tahap Kesukaran Hidup Responden Semasa Menyesuaikan Diri Dengan Masyarakat Biasa Selepas Bersara Sebagai Atlet Elit**

N = 51	Bil Responden	Kekerapan (%)	Tahap
Kesukaran hidup	37	72.6 %	Tidak sukar
	10	19.6 %	Sukar
	4	7.8 %	Sangat sukar
Masalah	32	62.8 %	Tiada masalah
	15	29.4 %	Bermasalah
	4	7.8 %	Banyak masalah
Tekanan	29	56.9 %	Tiada tekanan
	17	33.3 %	Ada tekanan
	5	9.8 %	Tekanan tinggi
Kesunyian	17	33.3 %	Tidak kesunyian
	23	45.1 %	Kesunyian
	11	21.6 %	Amat kesunyian
Keselesaian	10	19.6 %	Tidak selesa
	22	43.1 %	selesa
	19	37.3 %	Sangat selesa

4.5.6.1 Tahap Kesukaran Penyesuaian Diri Dengan Masyarakat Biasa Selepas Bersara

Selepas persaraan, atlet elit akan kembali ke pangkuan masyarakat selepas sekian lama hanya menumpukan keseluruhan perhatian mereka dalam latihan dan pertandingan. Semasa mereka menjadi atlet elit, jarang sekali mereka berpeluang bergaul dengan masyarakat biasa. Kebanyakan masa mereka dihabiskan dalam latihan dan pertandingan. Atlet yang berjaya disanjung dan diberi layanan istimewa. Gerak geri mereka sentiasa diawasi oleh peminat sukan, pihak media dan sebagainya.

Atlet yang berjaya dari segi prestasi cemerlang di peringkat antarabangsa akan memiliki pendapatan lumayan daripada kejayaan-kejayaan sukan, pengiklanan, kontrak dengan pasukan-pasukan ternama serta daripada media massa untuk temuramah eksklusif. Pendapatan yang lumayan serta sanjungan yang diterima ini akan membolehkan atlet elit menjalankan kehidupan seperti seorang bintang.

Sekembalinya mereka kepangkuan masyarakat untuk meneruskan kehidupan sebagai orang biasa, ditanya sejauh manakah mereka menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat biasa. Soalan ini akan menjawab persoalan kajian ini sama ada atlet elit negara menghadapi

sebarang kesukaran dan kesulitan semasa proses transisi iaitu daripada seorang atlet elit kepada ahli masyarakat biasa.

4.5.6.2 Tahap Kesukaran hidup

Dapatan kajian memberikan data-data yang menarik dan penting. Sejumlah 72.6 % responden (n = 37) menyatakan mereka tidak menghadapi sebarang kesukaran semasa menyesuaikan diri dengan masyarakat biasa. Kebanyakan mereka mengatakan bahawa semasa menjadi atlet mereka tidak hidup atau tidak dilayan seperti seorang bintang pujaan.

Sejumlah 19.6 % responden (n = 10) pula menyatakan mereka pada awalnya memang telah menghadapi sedikit kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat biasa. Antara sebab-sebab yang dinyatakan adalah; orang ramai dapat mengenali muka mereka dan sentiasa mengawasi gerak geri mereka. Ada kalanya soalan-soalan yang ditanya mengenai persaraan dan prestasi sukan pada masa kini akan menyukarkan lagi proses transisi.

Dapatan kajian ini juga menjelaskan bahawa sebanyak 7.8 % orang responden (n = 4) telah mengalami keadaan yang sangat sukar semasa penyesuaian diri. Ianya menjadi lebih sukar apabila orang ramai sering mengulang tentang kegagalan mereka. Ada kalanya responden terpaksa

menjauhkan diri dengan orang ramai kerana takut dan segan kerana akan ditanya dan dikutuk tentang kegagalan mereka.

4.5.6.3 Tahap Masalah

Sejumlah 62.8 % responden (n = 32) memberitahu bahawa mereka tidak menghadapi sebarang masalah ketika proses penyesuaian atau pun proses tansisi. Walau bagaimanapun sebanyak 29.4 % responden (n = 15) mengakui bahawa mereka memang telah menghadapi sedikit masalah. Anantara masalah-masalah yang dinyatakan adalah seperti; sering dilabelkan sebagai orang yang sombong atau pun suka menonjol.

Seramai 9.8 % (n = 4) menyatakan proses penyesuaian dipenuhi dengan banyak masalah seperti tidak tahu protokol apabila menemui orang yang berpangkat dan berkedudukan tinggi dikalangan masyarakat, tidak dapat lupakan tabiat suka bersaing walau pun sudah bersara, sering dikutuk kerana sombong, tidak bertoleransi dan sentiasa memencilkan diri.

4.5.6.4 Tahap Tekanan

Sebanyak 56.9 % responden kajian (n = 29) menyatakan mereka tidak menghadapi sebarang tekanan apabila mula menyesuaikan diri dengan masyarakat biasa. Sementara itu 33.3 % responden (n = 17) mengakui

memang telah merasa sedikit tekanan. Tekanan yang tinggi telah dihadapi oleh 9.8 % responden (n = 5) semasa proses transisi. Perasaan takut untuk menghadapi cabaran-cabaran baru sebagai bukan atlet elit memang telah memberi tekanan tinggi. Ada responden menyatakan bahawa perasaan takut kalah masih menghatui mereka walau pun sudah bersara.

4.5.6.5 Tahap Kesunyian

Selepas bersara dilaporkan bahawa sebanyak 33.3 % responden (n = 17) tidak merasakan dirinya dalam alam kesunyian. Mereka masih menghubungi kawan-kawan lama dan sering mengadakan perjumpaan yang tidak formal. Sebanyak 45.1 % % responden (n = 23) telah pun menyatakan rasa kesunyian memang timbul.

Didapati 21.6 % responden (n = 11) telah mengalami rasa kesunyian yang kuat. Jadual 11 menjelaskan bahawa, sama ada responden rasa selesa atau tidak ketika melalui proses transisi berkenaan. Didapati seramai 19.6 % responden (n = 10) tidak rasa selesa ketika menyesuaikan diri dengan masyarakat biasa.

Sementara itu, sebanyak 43.1 % responden (n = 22) melaporkan mereka agak selesa kerana mereka bukannya pernah disanjung sebagai bintang pujaan. Didapati juga 37.3 % responden (n = 19) telah

melaporkan bahawa mereka tidak menghadapi sebarang masalah menyesuaikan diri dengan masyarakat biasa, malahan proses transisi persaraan mereka dilaporkan telah berjalan dengan lancar.

4.5.6.6 Tahap Normal

Dapatan kajian memberi penjelasan bahawa 9.8 % responden (n = 5) tidak merasakan persekitaran tidak normal kerana dikelilingi oleh satu kumpulan masyarakat yang banyak faham tentang sukan. Sejumlah 15.7 % responden kajian (n = 8) menyatakan bahawa keadaan semasa penyesuaian diri adalah dalam keadaan yang normal manakala 74.5 % responden lagi (n = 38) rasa sangat normal ketika mula menyesuaikan diri dengan masyarakat biasa selepas persaraan mereka.

4.5.7. Kejayaan Hidup Kerana Melibatkan Diri Dalam Sukan

Kejayaan hidup seorang atlet elit sekiranya dibandingkan dengan kebendaan, ia adalah bergantung pada beberapa perkara. Antaranya adalah jenis sukan, pencapaian di peringkat anatarabangsa, sokongan yang diperolehi, kenalan orang berkuasa sama ada orang politik atau pun orang koprat serta tidak ketinggalan kelayakan akademik atlet itu sendiri.

Hanya seramai 13.7 % responden (n = 7) yang menyatakan mereka kurang berjaya dalam hidup walaupun melibatkan diri dalam sukan. Sejumlah 21.6 % responden pula (n = 11) melaporkan hidup mereka tidak mengalami sebarang perubahan. Walau bagaimanapun sejumlah 54.9 % responden (n = 28) mengakui bahawa mereka berjaya dalam hidup kerana melibatakan diri dalam sukan. Sementara itu 9.8 % responden (n = 5) menyatakan mereka sangat berjaya dalam hidup disebabkan oleh penglibatan mereka dalam sukan.

4.5.8 Kegemilangan Hidup (Glamor) Selepas Bersara

Tidak ramai atlet elit yang mendapat perhatian dan layanan istimewa selepas bersara. Kehidupan glamor seperti yang dialami ketika menjadi atlet elit, tidak semestinya berkekalan selama-lama. Pengekalan kehidupan glamor ini bergantung pada pencapaian atlet berkenaan mencapai nama diperingkat anatarabangsa serta jenis sukan yang diwakilinya.

Hanya 2.0 % responden sahaja (n = 1) yang melaporkan dirinya masih sangat glamor. Beliau sering diberi layanan, perhatian dan kunjungan daripada peminat sukan walaupun sudah 3 tahun telah bersara. Sejumlah 7.8 % responden (n = 4) pula menyatakan mereka langsung tidak glamor, sering tidak dikenali identiti mereka oleh orang ramai. Kebanyakan

responden iaitu seramai 66.7 % (n= 34) melaporkan bahawa mereka mendapat perhatian sebagai seorang yang biasa bukan seperti bintang sukan.

4.5.9 Keadaan Diri Selepas Bersara

Jadual 12 menunjukkan satu gambaran yang jelas tentang keadaan diri responden kajian yang telah bersara sebagai atlet elit. Dapatan kajian menunjukkan hanya 2.0 % responden sahaja (n = 1) daripada jumlah responden kajian (N = 51) melaporkan hidupnya sangat bosan kerana tidak tahu apa yang hendak buat pada waktu petang.

Semasa menjadi atlet elit setiap petang adalah masa untuk latihan yang serius bersama rakan seperjuangan yang lain. Pada masa sekarang (sewaktu ditemuramah) responden berkenaan tidak mempunyai aktiviti yang tertentu dan merasa sangat bosan. Responden juga menyatakan tidak ada aktiviti yang mencabar berlaku dalam hidupnya dan keadaan tersebut sangat tidak menyeronokkan.

Dapatan kajian juga menunjukkan 19.6 % responden (n = 10) tetap berasa kebosanan pada masa ke semasa. Walau bagaimanapun sejumlah 56.8 % responden (n = 29) menyatakan kehidupan mereka dalam keadaan biasa sahaja kerana aktiviti harian termasuk beban kerja di pejabat sudah pun memadai untuk membuatkan diri mereka sibuk. sejumlah 21.6 %

responden yang lain pula (n = 11) memberitahu mereka dalam keadaan gembira kerana mereka bangga dengan pencapaian dalam bidang sukan dan bidang kerjaya.

Jadual 12
Keadaan Diri Responden Selepas Bersara Sebagai Atlet Elit

N = 51	Kekerapan	Peratus (%)
Sangat Bosan	1	2.0
Bosan	10	19.6
Biasa	29	56.8
Gembira	11	21.6
	N = 51	100 %

4.5.10 Penglibatan Diri Dalam Bidang Sukan Ketika Ini

(Semasa Ditemuramah)

Kebanyakan responden kajian menyatakan mereka masih melibatkan diri dalam sukan tetapi dalam bentuk yang berlainan. Didapati hanya 13.7 % responden (n = 7) sahaja yang menyatakan mereka tidak langsung melibatkan diri dalam bidang sukan. Dapatan kajian juga menjelaskan sejumlah 86.3 % responden yang lain (n = 44) memang melibatkan diri

dalam pelbagai bidang sukan. Kebanyakan responden melibatkan diri dalam lebih dari satu bidang sukan (rujuk Jadual 13).

Jadual 13
Penglibatan Responden Dalam Bidang Sukan Pada Masa Kini
(Ketika Ditemuramah)

Jenis Penglibatan	Bil. Responden	Peratusan (%)
Atlet (Rekreasi)	22	43.1 %
Jurulatih	12	23.5 %
Peniaga (Berkait sukan)	4	7.8 %
Pegawai Teknik	2	3.9 %
Pengurusan sukan	2	3.9 %
Pakar rujuk/Perunding sukan	2	3.9 %
Tiada langsung	7	13.7 %
N = 51		100 %

Sejumlah 43.1 % responden kajian (n = 22) masih menjalankan aktiviti fizikal serta rekreasi seperti larian 'jog' , permainan sosial dan sebagainya. Terdapat 7.8 % responden (n = 4) menceburkan diri dalam bidang perniagaan yang berkaitan dengan sukan. Sebanyak 3.9 % responden

($n = 2$) sedang melibatkan diri sebagai pegawai teknik dan 23.5 % responden ($n = 12$) sebagai jurulatih. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa seramai 3.9 % orang responden sahaja ($n = 2$) melanjutkan pelajaran selepas bersara dan kini sedang berkhidmat sebagai pakar rujuk dan pakar runding. Sebanyak 13.7 % responden ($n = 7$) telah melaporkan bahawa mereka tidak langsung melibatkan diri dalam sukan.

4.4.11 Keinginan Melibatkan Diri Dalam Bidang Sukan Di Masa Depan

Sejumlah 37.3 % responden ($n = 19$) menyatakan mereka ingin terus melibatkan diri dalam sukan dengan menjadi jurulatih (rujuk Jadual 14). Sebanyak 17.6 % responden ($n = 9$) menyatakan mereka ingin kembali aktif dari segi fizikal dimana ingin bersukan secara rekreasi. Dapatan kajian juga menjelaskan bahawa seramai 13.7 % orang responden kajian ($n = 7$) ingin mengusahakan perniagaan sendiri yang mungkin berkaitan dengan sukan. Kajian juga menunjukkan seramai 3.9 % responden ($n = 2$) menyatakan keinginan mereka untuk menjadi pegawai teknik.

Sebanyak 7.8 % responden ($n = 4$) pula menyatakan bahawa mereka ingin berkhidmat di persatuan-persatuan sukan. Sebanyak 3.9 % responden ($n = 2$) pula menyatakan bahawa mereka ingin menguruskan acara-acara

sukan secara komersial. Didapati hanya 2.0 % responden sahaja (n = 1)
menunjukkan minat dalam bidang kejurulatihan.

Jadual 14
Jenis Penglibatan Diri Yang Dihasratkan Oleh Responden
Pada Masa Akan Datang

Jenis Penglibatan	Bil.Responden	Peratusan (%)
Jurulatih	19	37.3 %
Atlet (Rekreasi)	9	17.6 %
Tiada langsung	7	13.7 %
Peniaga (Berkaitan sukan)	7	13.7 %
Pegawai Persatuan	4	7.8 %
Pegawai Teknik	2	3.9 %
Pengurusan Sukan	2	3.9 %
Pakar rujuk / Perunding Sukan	1	2.0 %
	N = 51	100 %

4.5.12 Penyesalan Diri Kerana Melibatkan Diri Dalam Sukan

Bukan semua responden gembira kerana melibatkan diri sebagai atlet elit. Ada responden yang menyesal kerana terpaksa mengorbankan banyak masa, tenaga dan wang dalam latihan dan pertandingan. Penglibatan mereka juga telah menghilangkan senioriti mereka di tempat kerja kerana sering mengambil cuti tanpa rekod kerana mengambil bahagian dalam pertandingan dalam negara atau pun luar negara. Perkara ini juga telah menjejaskan perkembangan diri dari segi psikologi, sosial, kebendaan, pendidikan dan sebagainya.

Data Kajian menunjukkan 21.6 % responden (n = 11) menyesal melibatkan diri dalam sukan. Seorang responden yang pulang bekerja selepas diberi cuti bergaji selama 2 tahun semata-mata untuk menyediakan diri untuk Sukan Komanwel pada tahun 1998, mendapati beliau tidak mendapat sebarang kenaikan gaji atau pun kenaikan pangkat kerana cuti tanpa rekod panjang selama 2 tahun telah menjejaskan peluang kenaikan gaji dan pangkat di tempat kerja.

Walau bagaimanapun 78.4 % responden yang lain (n = 40) memberitahu bahawa mereka sedikit pun tidak menyesal kerana melibatkan diri dalam sukan kerana bidang sukan sebenarnya telah memberi nilai hidup yang istimewa, ramai kenalan yang berpengaruh dalam bidang politik dan

korporat, peluang-peluang pekerjaan serta peluang melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.

4.5.13 Keperluan Program Persediaan Persaraan Atlet Elit

Responden juga ditanya sama ada timbul keperluan untuk mengujudkan satu program yang khas yang bertujuan menyediakan atlet-atlet elit yang bakal bersara nanti. Kesemua responden kajian ($N = 51$) setuju bahawa program berkenaan harus diimplimentasikan segera oleh badan-badan sukan yang bertanggungjawab. Antara sebab-sebab yang diberikan oleh responden tentang keperluan program berkenaan adalah seperti berikut :

- i. Program ini dapat membantu atlet elit bersedia lebih awal dari segi psikologi untuk menghadapi kehidupan tanpa penglibatan sukan peringkat antarabangsa.
- ii. Dapat membantu atlet elit menguruskan kehidupan sendiri dan membuat keputusan yang yang penting yang boleh menjamin kehidupan yang tenteram dan selesa.

- iii. Dapat memberi peluang kepada atlet elit untuk melakukan " Networking" yang berkesan supaya dapat memastikan jenis kerjaya yang boleh dilakukan selepas bersara
- iv. Ganjaran persaraan yang bakal diperolehi hasil dari program berkenaan, sekurang-kurangnya dapat memberi modal untuk memulakan perniagaan atau melanjutkan pelajaran dan bidang kemahiran yang lain.
- v. Program tersebut dapat memberi kaunseling, tunjuk ajar dan bantuan yang sewajarnya untuk memastikan langkah-langkah seterusnya selepas bersara nanti.
- vi. Dapat memberi peluang kepada atlet elit untuk memulakan kerjaya baru dalam bidang sukan seperti kejurulatihan, kepagawaian, pengurusan dan sebagainya.
- vii. Program tersebut akan memberi jaminan kepada atlet-atlet muda yang lain untuk terus menceburi dalam sukan dan mempamerkan prestasi yang cemerlang tanpa risau tentang kebajikan dan masa depannya.